

# Umur panjang nikmat tidak ternilai

## Nikmat tidak terhitung

Ada manusia cuba menghitung nikmat, membandingkannya dengan kesusahan hidup dihadapi, tetapi ternyata kemewahan hidup yang Allah SWT kurniakan tidak terkira dengan jari. Nikmat melihat, mendengar, merasa, berfikir dan berkongsi kehidupan dengan penuh kasih sayang sesama makhluk.

Tentulah kita tidak boleh menyesali kepayahan dan kesukaran hidup di dunia, malah anggaplah ada hikmah yang menanti sementara iman diuji, tetapi berusaha untuk mencari kesenangan.

Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."* (Surah an-Nahl, ayat 18)

Ada kala kita tidak sedar apa yang dimiliki hari ini adalah nikmat, bukannya sedia ada untuk setiap manusia kerana ada orang lain yang tidak dapat merasainya. Sebab itulah kita tidak harus lupa mensyukuri segala kemurahan hati Allah SWT menganugerahkan kehidupan yang lengkap.

Sikap manusia yang mudah lalai dan lupa menyebabkan nikmat dikurniakan tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka. Usia yang panjang sepatutnya diisi dengan kebajikan tetapi dihabiskan melakukan maksiat.

Rasulullah SAW bersabda: "Tidak berganjak kedua kaki seorang hamba pada hari kiamat sehingga ia disoal mengenai umurnya pada perkara apakah ia habiskan, ilmunya untuk apakah ia gunakan, dan harta bendanya dari manakah ia peroleh dan pada apakah ia belanjakan, dan juga tubuh

badannya pada perkara apakah ia susutkan kemudahan dan kecergasannya." (Riwayat Tirmizi)

## Guna tenaga, akal cari rezeki

Adanya tenaga dan akal gunalah untuk mencari rezeki halal. Apa salahnya merasa nikmat yang Allah SWT berikan percuma untuk dilaburkan bagi mendapat nikmat lainnya. Buat yang berhati-hati menjaga amanah Allah SWT, mereka tidak akan alpa dengan kemewahan dunia kerana tahu itu semua pinjaman saja.

Sebaliknya mereka berusaha meningkatkan limpahan rahmat dan nikmat itu supaya dapat dikongsi dengan orang lain yang kurang berkemampuan. Orang yang tidak melupakan hari akhirat walaupun dunia ini menjanjikan seribu kemewahan adalah orang yang tidak membazirkan nikmat Allah SWT.



**NIK SALIDA SUHAILA**

**Pensyarah Kanan**  
Fakulti Syariah dan  
Undang-Undang  
Universiti Sains  
Islam Malaysia

Daripada Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berkata: "Wahai Rasulullah! Siapakah sebaik-baik manusia?" Rasulullah berkata: "Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umur itu dipergunakan untuk berbuat kebajikan". Berkata lelaki itu lagi: "Siapakah sejahat-jahat manusia?" Maka Rasulullah berkata: "Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahatan". (Riwayat Tirmizi)

Nikmat kehidupan yang dikurniakan adalah gambaran Allah SWT amat mengasihi dan menyayangi hamba-Nya. Kesusahan hilang dengan kesenangan, kejahilan lenyap dengan pengetahuan, kesakitan terhapus dengan kesihatan dan kegelapan berganti gemerlapan.

Terlalu banyak nikmat dilimpahkan kepada isi dunia ini dan yang perlu kita lakukan ialah memanfaatkan setiap satunya dengan tujuan mendapat keberkatan daripada-Nya.